

JAWAPAN

PENILAIAN PERTENGAHAN TAHUN

KERTAS 1

1 C	2 D	3 D	4 B	5 A	6 A	7 D
8 B	9 B	10 A	11 C	12 C	13 D	14 A
15 D	16 B	17 A	18 D	19 B	20 D	21 D
22 C	23 C	24 A	25 C	26 B	27 A	28 D
29 A	30 B	31 C	32 C	33 B	34 B	35 D
36 B	37 A	38 B	39 C	40 B		

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Soalan 1

Ceraian (a)i.

- ... individu yang produktif dan menyumbangkan tenaga fizikal atau mental dalam proses pengeluaran [1m]
- ... buruh dibahagikan kepada buruh mahir dan buruh tidak mahir [1m]
- ... contoh buruh mahir ialah doktor [1m]
- ... contoh buruh tidak mahir ialah pemotong rumput [1m]
- ... buruh mempunyai mobiliti geografi (tempat) dan mobiliti pekerjaan [1m]
- ... buruh membuat kerja mengikut arahan majikan [1m]
- ... buruh juga tidak menanggung risiko kerugian [1m]

Ceraian (a)ii.

- ... modal ialah ciptaan manusia yang digunakan selanjutnya dalam proses pengeluaran tanah [1m]
- ... modal meningkatkan kecekapan dan produktiviti sesebuah firma [1m]
- ... modal yang mempunyai mobiliti geografi yang tinggi, contohnya lori [1m]
- ... modal yang tidak mempunyai mobiliti geografi dan mobiliti kegunaan contohnya lori [1m]
- ... modal yang tidak mempunyai mobiliti kegunaan, contohnya bangunan [1m]
- ... penawaran modal negara bertambah melalui masa [1m]

Ceraian (b)i.

Kebaikan

- ... kepuasan individu dan masyarakat dapat dimaksimumkan [1m]
- ... kebebasan untuk melakukan aktiviti ekonomi [1m]
- ... kecekapan dalam penggunaan sumber [1m]
- ... menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi [1m]

Ceraian (b)ii.

Kelemahan

- ... mewujudkan masyarakat materialistik [1m]
- ... mewujudkan ketidakstabilan ekonomi [1m]
- ... agihan pendapatan yang tidak setara [1m]
- ... mewujudkan kuasa monopoli korporat (firma) besar [1m]
- ... kesan luaran negatif [1m]

Ceraian (c)i.

Pengembangan permintaan

- ... pergerakan titik ke bawah di sepanjang keluk permintaan itu sendiri [1m]
- ... akibat kejatuhan harga barang itu [1m]

Ceraian (c)ii.

Pertambahan permintaan

- ... peralihan/perubahan keluk permintaan ke kanan [1m]
- ... akibat pertambahan pendapatan pengguna/cita rasa pengguna [1m]

Ceraian (d)i.

Penentu kehendak

- ... individu dan pihak swasta bebas membuat keputusan ekonomi dalam penyelesaian masalah asas ekonomi [1m]
- ... dengan kuasa beli yang ada, individu bebas menentukan corak permintaan terhadap barang atau perkhidmatan [1m]

- ... pihak swasta/firma swasta bebas memperuntukkan sumber ekonomi dalam pengeluaran barang atau perkhidmatan [1m]
- ... kerajaan memperuntukkan sumber ekonomi untuk mengeluarkan barang awam [1m]

Ceraian (d)ii.

Pembuat pilihan

- ... individu bebas membuat pilihan barang atau perkhidmatan untuk memaksimumkan kepuasan [1m]
- ... pihak swasta bebas memilih teknik pengeluaran untuk memaksimumkan keuntungan/meminimumkan kos pengeluaran [1m]
- ... kerajaan mengenakan peraturan dan undang-undang untuk mempengaruhi pilihan barang di pasaran/kerajaan memilih teknik pengeluaran yang memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]

Soalan 2

Ceraian (a)i.

- ... keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) menunjukkan satu keluk had maksimum pengeluaran yang dapat dicapai dengan menggunakan sumber ekonomi yang sedia ada dan pada tingkat teknologi tertentu [1m]

Ceraian (a)ii.

- ... negara X dapat mengeluarkan 35 unit makanan dan 1 unit mesin [1m]
- ... kombinasi ini tidak cekap atau wujud pembaziran sumber pengangguran/lebihan kapasiti [1m]

Ceraian (a)iii.

- ... 30 unit makanan [1m]

Ceraian (a)iv.

- ... 10 unit makanan [1m]

Ceraian (a)v.

- ... 3 unit mesin [1m]

Ceraian (b)

- ... isi rumah menghadapi kekurangan pendapatan/wang/masa berbanding dengan kehendak yang tidak terhad [1m]
- ... isi rumah terpaksa membuat pilihan barang yang memaksimumkan kepuasan [1m]
- ... apabila isi rumah membuat pilihan maka wujud kos lepas, iaitu barang kedua terbaik yang dilepaskan [1m]
- ... contohnya, Encik Tommy ingin membeli komputer dan telefon pintar tetapi dengan pendapatan sebanyak RM2 000 hanya mampu membeli komputer atau telefon pintar [1m]
- ... Encik Tommy memilih komputer, maka kos lepasnya ialah telefon bimbit [1m]

Ceraian (c)i.

- ... pertambahan permintaan [1m]

Ceraian (c)ii.

- ... harga barang pengganti naik [1m]
- ... harga barang penggenap turun [1m]
- ... cita rasa pengguna terhadap barang X meningkat [1m]
- ... pendapatan pengguna bertambah dan kuasa beli terhadap barang X meningkat [1m]
- ... harga barang X dijangka akan naik pada tahun depan [1m]
- ... kerajaan memberikan bantuan tunai kepada golongan miskin untuk membolehkan golongan tersebut membeli lebih banyak barang X [1m]

Ceraian (d)

- ... lebih permintaan berlaku apabila kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan [1m]

- ... semasa lebih penawaran, harga pasaran kurang daripada harga keseimbangan pasaran [1m]
- ... manakala lebih permintaan berlaku apabila kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta [1m]
- ... semasa lebih penawaran, harga pasaran lebih tinggi daripada harga keseimbangan pasaran [1m]

Soalan 3

Ceraian (a)

- ... permintaan sotong bertambah dan penawaran tetap [1m]
- ... pasaran sotong mengalami lebih permintaan dan harga cenderung naik di pasaran [1m]
- ... pada hari biasa, harga sotong lebih rendah kerana melibatkan pengguna tempatan sahaja [1m]
- ... lebih permintaan tidak banyak [1m]
- ... pada hari lain, permintaan terdiri daripada pengguna tempatan dan pengguna luar Terengganu [1m]
- ... lebih permintaannya lebih banyak [1m]
- ... harga sotong lebih tinggi daripada RM18 [1m]
- ... hasil jualan nelayan bertambah [1m]

Ceraian (b)i.

- ... Taufan Harvey menghalang penghantaran minyak ke kilang penapisan [1m]
- ... pasaran mengalami pengurangan penawaran minyak dan permintaannya tetap [1m]
- ... wujud lebih permintaan menyebabkan harga minyak melonjak naik [1m]

Ceraian (b)ii.

- ... kuasa beli masyarakat merosot [1m]
- ... kos sara hidup meningkat [1m]
- ... taraf hidup merosot [1m]

Ceraian (c)

- Tempoh masa pengeluaran [1m]
- ... pengeluaran barang pertanian mengambil masa yang panjang atau lama dan kurang responsif ke atas perubahan harga [1m]
- Bilangan firma [1m]
- ... insentif keuntungan yang rendah dan pendapatan yang tidak stabil menyebabkan bilangan firma yang sedikit dan penawaran barang pertanian kurang responsif ke atas perubahan harga [1m]
- Cuaca [1m]
- ... pengeluaran barang pertanian dipengaruhi oleh keadaan cuaca. Hal ini menyebabkan pengeluaran barang pertanian kurang responsif ke atas perubahan harga [1m]

Ceraian (d)i.

$$Ed = \frac{8 - 12}{26 - 14} \times \frac{14}{12} = 0.39$$

Ceraian (d)ii.

- ... nilai keanjalan harga permintaan tak anjal [1m]
- ... $Ed < 1$ [1m]

BAHAGIAN B

Soalan 4

Ceraian (a)

Keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan satu keluk had maksimum pengeluaran yang dapat dicapai dengan menggunakan sumber ekonomi yang sedia ada dan pada tingkat teknologi tertentu. Andaian keluk kemungkinan pengeluaran ialah ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh, sumber ekonomi terhad dan tetap dari segi kualiti dan kuantiti, ekonomi mengeluarkan barang modal dan barang pengguna, serta tingkat teknologi tetap.

Barang modal seperti mesin, bangunan serta peralatan, dan barang pengguna seperti makanan dan minuman. Titik A menunjukkan kombinasi $0a_1$ unit barang modal dan $0b_0$ unit barang pengguna. Manakala titik B menunjukkan kombinasi $0a_0$ unit barang modal dan $0b_1$ unit barang pengguna.

Saya memilih kombinasi pengeluaran pada titik A sekiranya negara tersebut merupakan negara maju seperti Jepun. Negara maju mempunyai taraf hidup yang tinggi dan kadar kemiskinan

yang rendah. Pada titik A, barang modal melebihi barang pengguna berbanding dengan titik B. Pengeluaran barang modal sekarang akan mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan masalah sosial seperti jenayah. Pada masa depan, apabila pelaburan tersebut mendatangkan pulangan, pendapatan dan taraf hidup masyarakat akan meningkat dengan lebih cepat. Hal ini kerana barang modal meningkatkan kecekapan dan produktiviti negara serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

ATAU

Saya memilih kombinasi pengeluaran pada titik B jika negara tersebut merupakan negara kurang membangun seperti Laos, Myanmar, dan Kemboja. Negara kurang membangun menghadapi kadar kemiskinan yang tinggi dan tarafhidup yang rendah. Pada titik B, barang pengguna melebihi barang modal. Pengeluaran barang pengguna yang lebih banyak bermakna lebih ramai pengguna menikmati barang tersebut. Taraf hidup pengguna akan meningkat secara langsung. Barang pengguna tidak akan meningkatkan taraf hidup secara langsung kerana memerlukan suatu jangka masa untuk memperoleh pulangan. Bagi negara tersebut, pelaburan langsung asing dan bantuan kewangan dari negara maju dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui suntikan modal.

Ceraian (b)

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi campuran, iaitu menggabungkan kebaikan sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat dan pada masa yang sama mengelakkan kelemahan kedua-dua sistem ekonomi tersebut. Malaysia terletak di bawah kategori "hampir semuanya bebas" merujuk kepada keadaan kebebasan individu dan pihak swasta ada batasannya. Hal ini kerana kerajaan akan campur tangan untuk mengawal ekonomi.

Di Malaysia, sesetengah sumber ekonomi dan harta persendirian seperti tanah dan modal dimiliki oleh individu dan pihak swasta. Sesetengah sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan. Kebebasan dalam pemilikan sumber ekonomi dan harta persendirian dikawal oleh kerajaan melalui peraturan dan undang-undang untuk menjaga kebajikan masyarakat. Contohnya, kerajaan menubuhkan Amanah Raya untuk menyelesaikan masalah harta persendirian.

Individu dan pihak swasta bebas membuat keputusan ekonomi. Pengguna mempunyai kuasa keagungan pengguna untuk menentukan jenis dan kuantiti barang dan perkhidmatan yang akan dikeluarkan oleh pihak swasta. Pihak swasta bebas bersaing mengeluarkan barang berdasarkan permintaan barang. Kerajaan mengeluarkan barang awam seperti jalan raya, perkhidmatan polis, dan perundangan.

Individu bebas memilih barang dan perkhidmatan untuk memaksimumkan kepuasan. Individu juga bebas membuat pilihan pekerjaan yang menawarkan kombinasi upah, waktu bekerja, dan faedah sampingan untuk memaksimumkan kepuasan. Pihak swasta bebas memilih teknik pengeluaran yang paling cekap untuk memaksimumkan keuntungan. Kerajaan menetapkan upah minimum untuk pekerja, mengawal harga barang keperluan seperti beras, gula, tambang pengangkutan, petroleum, dan minyak masak. Kerajaan mengenakan cukai yang tinggi ke atas barang mewah seperti kereta import atau barang yang menjejaskan kesihatan seperti rokok dan arak.

Ceraian (c)

Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga naik, kuantiti diminta menurun. Sebaliknya, apabila harga jatuh, kuantiti diminta meningkat. Hubungan harga dan kuantiti diminta adalah negatif.


Jadual di bawah ini menunjukkan harga dan kuantiti diminta.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
10	40
20	30

Berdasarkan jadual di atas, apabila harga naik daripada RM10 kepada RM20, kuantiti diminta menurun daripada 40 unit kepada 30 unit.

Sebaliknya, apabila harga jatuh daripada RM20 kepada RM10, kuantiti diminta meningkat daripada 30 unit kepada 40 unit.

Keadaan hukum permintaan juga dapat ditunjukkan melalui rajah di bawah ini.



Keluk permintaan (DD) mencerun ke bawah dari kiri ke kanan menunjukkan hubungan harga dan kuantiti diminta adalah negatif.

Dengan andaian *ceteris paribus*, apabila harga naik daripada RM10 kepada RM20, berlaku penguncupan permintaan yang ditunjukkan oleh pergerakan titik b ke titik a di keluk permintaan itu. Kuantiti diminta menurun daripada 40 unit kepada 30 unit.

Sebaliknya, apabila harga jatuh daripada RM20 kepada RM10, berlaku pengembangan permintaan yang ditunjukkan oleh pergerakan titik a ke titik b di keluk permintaan yang sama. Kuantiti diminta meningkat daripada 30 unit kepada 40 unit.

Soalan 5

Ceraian (a)

Emas merupakan komoditi yang mempunyai mobiliti geografi yang tinggi, manakala rumah tidak mempunyai mobiliti geografi. Jika harga emas di Johor Bahru ialah 1 gram = RM300 dan di Kuala Lumpur harga emas ialah 1 gram = RM350. Perbezaan harga emas akan memberi peluang untuk memperoleh keuntungan. Individu akan membeli emas di Johor Bahru dan menjual di Kuala Lumpur dengan andaian tiada kos pengangkutan, maka keuntungan sebanyak RM50 bagi 1 gram emas.

Penawaran emas di Johor Bahru akan berkurang dan penawaran emas di Kuala Lumpur akan bertambah. Pengurangan penawaran emas di Johor Bahru akan menaikkan harga emas dan pertambahan penawaran emas di Kuala Lumpur menyebabkan harga emas turun. Peningkatan harga emas di Johor Bahru dan peningkatan harga emas di Kuala Lumpur akan menyebabkan satu keseimbangan pasaran emas berlaku dan untung dihapuskan. Mobiliti emas akan berhenti.

Keadaan ini tidak sama dengan rumah. Jika harga rumah di Johor Bahru lebih tinggi daripada harga rumah di Kuala Lumpur, lot rumah di Johor Bahru tidak boleh dipindahkan ke Kuala Lumpur. Keadaan ini tidak dapat mengubah penawaran rumah seperti mana berlaku pada penawaran emas, maka harga keseimbangan rumah di Johor Bahru dan Kuala Lumpur adalah berbeza.

Ceraian (b)

Masalah asas ekonomi wujud kerana sumber ekonomi terhad manakala kehendak manusia tidak terhad. Masalah asas ekonomi terdiri daripada apa yang hendak dikeluarkan, berapa yang hendak dikeluarkan, bagaimana hendak dikeluarkan, dan untuk siapa dikeluarkan.

Di kawasan luar bandar, jenis barang yang dikeluarkan kebanyakannya ialah hasil pertanian seperti padi, getah, dan kelapa sawit. Kegiatan ekonomi tersebut memerlukan kawasan penanaman yang luas yang tidak dapat dilakukan di kawasan bandar. Manakala di kawasan bandar, jenis barang kebanyakannya terdiri daripada hasil barang kilang dan perkhidmatan. Pengeluaran barang tersebut memerlukan infrastruktur yang lengkap dan cekap serta penduduk yang banyak.

Teknik pengeluaran di kawasan luar bandar lebih kepada intensif buruh. Hal ini kerana harga buruh lebih rendah berbanding dengan harga modal. Kemasukan buruh asing dapat mengatasi kekurangan buruh terutamanya dalam ladang kelapa sawit dan getah. Penggunaan modal dalam sektor pertanian adalah terhad kerana pemilikan tanah yang kecil terutamanya dalam penanaman padi.

Teknik pengeluaran di bandar lebih kepada intensif modal terutamanya kilang kereta di Tanjung Malim (Perak) dan Pekan (Pahang). Dalam sektor perkhidmatan, berlaku peralihan buruh kepada modal. Contohnya, tugas kerani kewangan di bank telah diambil alih oleh mesin dan kerja suri rumah digantikan oleh

robot. Kemajuan teknologi dan inovasi meningkatkan kecekapan pengeluaran dan menurunkan kos pengeluaran.


Penduduk di kawasan luar bandar menikmati agihan barang yang terhad kerana kuasa belinya rendah. Manakala di kawasan bandar, agihan barang lebih tinggi kerana kuasa beli lebih tinggi. Pendapatan di bandar lebih stabil kerana pekerjaan tidak bergantung kepada cuaca manakala di luar bandar pendapatannya bergantung kepada musim dan cuaca.

Ceraian (c)

Permintaan merujuk kepada kuantiti barang yang ingin dan mampu dibeli oleh pengguna pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam suatu jangka masa tertentu.

Andaian *ceteris paribus*, kejatuhan harga telefon bimbit meningkatkan kuantiti diminta ke atas telefon bimbit dan tidak memberi sebarang kesan ke atas perubahan permintaan telefon bimbit.

Rajah di bawah ini menunjukkan kejatuhan harga mempengaruhi kuantiti diminta ke atas telefon bimbit.




Rajah 1

Keluk permintaan (DD) menunjukkan keluk permintaan telefon bimbit yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan. Apabila harga telefon bimbit jatuh daripada RM2 000 kepada RM1 800, berlaku pengembangan permintaan yang ditunjukkan oleh pergerakan titik a ke titik b di sepanjang keluk permintaan itu sendiri. Kuantiti diminta ke atas telefon bimbit meningkat daripada 10 000 unit kepada 15 000 unit.

Apabila jangkaan harga telefon bimbit akan jatuh pada masa depan menyebabkan pengurangan permintaan ke atas telefon bimbit pada masa sekarang. Hal ini kerana pengguna menunggu untuk harga jatuh.

Rajah di bawah ini menunjukkan pengurangan permintaan ke atas telefon bimbit.




Rajah 2

Dengan andaian *ceteris paribus*, apabila jangkaan harga telefon bimbit akan jatuh pada masa depan, keluk permintaan akan beralih ke kiri atau wujud pengurangan permintaan. Keluk permintaan beralih dari D_0D_0 ke D_1D_1 pada harga tetap, iaitu RM2 000. Kesannya, kuantiti diminta berkurang daripada 10 000 unit kepada 4 000 unit.

Kejatuhan harga telefon bimbit menunjukkan hukum permintaan. Hukum permintaan menyatakan bahawa hubungan harga telefon bimbit dan kuantiti diminta ke atas telefon bimbit adalah negatif. Keluk permintaan (DD) pada rajah 1 mempunyai kecerunan negatif. Manakala situasi perubahan permintaan tidak menggambarkan hukum permintaan. Hal ini kerana harga telefon tidak berubah.

Soalan 6
Ceraian (a)




Berdasarkan rajah di atas, keseimbangan pasaran asal berlaku apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (S_0S_0) pada titik E_0 . Harga keseimbangan asal ialah P_0 dan kuantiti keseimbangan asal ialah Q_0 .

Pengurangan kos buruh tanpa perubahan kadar upah menunjukkan peningkatan produktiviti firma. Keadaan ini menyebabkan keluk penawaran beralih ke kanan, iaitu dari S_0S_0 ke S_1S_1 dan permintaan tetap. Pada tingkat harga P_0 , pasaran akan mengalami lebih penawaran sebanyak Q_0Q_2 . Harga cenderung naik dan kuantiti diminta bertambah sehingga mencapai titik keseimbangan baharu E_1 . Harga keseimbangan turun daripada P_0 kepada P_1 dan kuantiti keseimbangan meningkat daripada Q_0 kepada Q_1 .

Kesan penurunan kos pengeluaran tersebut membolehkan firma menambahkan tingkat pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan. Keadaan ini membolehkan firma mengeluarkan kereta yang lebih berkualiti dan penggunaan teknik yang lebih cekap dan seterusnya menguasai pasaran kereta di Amerika Syarikat dan juga meningkatkan daya saing dengan kereta import. Penjimatan USD 1 bilion jika ditabungkan akan memperoleh faedah dan memberi kedudukan kewangan yang lebih kukuh.

Ceraian (b)

Pengurangan permintaan komputer peribadi berlaku jika harga pengganti komputer peribadi lebih murah. Pengurangan permintaan komputer peribadi menurunkan harga pada masa kini. Rajah di bawah ini menunjukkan keadaan pasaran akibat daripada pengurangan permintaan komputer peribadi.




Keseimbangan pasaran asal ialah pada titik E_0 apabila keluk permintaan (D_0D_0) bersilang dengan keluk penawaran (SS). Harga dan kuantiti keseimbangan masing-masing ialah P_0 dan Q_0 . Apabila harga pengganti turun menyebabkan harga komputer peribadi secara relatif lebih mahal. Keadaan ini menyebabkan keluk permintaan beralih ke kiri dari D_0D_0 ke D_1D_1 . Keseimbangan baharu dicapai pada titik E_1 . Harga keseimbangan turun dari P_0 ke P_1 dan kuantiti keseimbangan berkurang kepada Q_1 .

Ceraian (c)

Pengenaan cukai tak langsung bermakna pengeluar terpaksa membayar kepada kerajaan. Keadaan ini akan meningkatkan kos pengeluaran firma dan mengurangkan penawaran barang di pasaran. Sebahagian cukai tak langsung ditanggung oleh pengguna. Semakin tak anjal permintaan, semakin tinggi peratus beban cukai yang ditanggung oleh pengguna.

Rajah di bawah ini menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran.



Keseimbangan asal sebelum pengenaan cukai tak langsung berlaku apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (S_0S_0) pada titik E_0 . Harga ialah P_0 dan kuantiti ialah Q_0 unit.

Apabila kerajaan mengenakan cukai tak langsung, keluk penawaran beralih ke kiri iaitu dari S_0S_0 ke S_1S_1 .

Bagi keluk permintaan anjal, harga keseimbangan berlaku pada E_1 dan tingkat harga naik kepada P_1 , kuantiti berkurang kepada Q_1 , dan beban cukai pengguna ialah E_1A . Bagi keluk permintaan tak anjal, tingkat harga naik kepada P_2 , kuantiti berkurang kepada Q_2 , dan beban cukai pengguna ialah E_2B yang lebih besar daripada beban pengeluar iaitu BC .

Pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi, kuantiti yang berkurang dan menanggung sebahagian daripada cukai tak langsung. Perbelanjaan pengguna bertambah dan meningkatkan kos sara hidup. Hal ini menyebabkan taraf hidup pengguna berkurang.

Jika cukai tak langsung dikenakan ke atas barang yang menjejaskan kesihatan seperti rokok, pengguna mendapat manfaat. Penghisap rokok akan mengurangkan kuantiti rokok dan meningkatkan kesihatan mereka dan mengurangkan kesan pencemaran atau eksternaliti negatif ke atas pihak ketiga. Di samping itu, dapat mengurangkan kos perbelanjaan rokok dan kos perubatan akibat daripada rokok. Produktiviti buruh bertambah.


Pengguna juga mendapat manfaat daripada perbelanjaan kerajaan yang dibiayai melalui cukai tak langsung. Perbelanjaan kerajaan ke atas barang awam dan barangan sosial akan memberi kesan eksternaliti positif kepada masyarakat seperti mewujudkan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan negara. Barang awam tidak dibekalkan oleh pihak swasta kerana masalah penumpangan percuma.

Soalan 7

Ceraian (a)

Kemarau yang berpanjangan dan peningkatan harga baja mengurangkan penawaran gandum di pasaran.

Rajah di bawah ini menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran gandum di dunia.



Keseimbangan asal pasaran gandum berlaku apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (S_0S_0) pada titik E_0 . Harga ialah USD140 per tan dan kuantiti adalah sebanyak Q_0 tan.

Kemarau yang berpanjangan dan peningkatan harga mengurangkan penawaran gandum dunia yang ditunjukkan oleh keluk penawaran beralih ke kiri iaitu dari S_0S_0 ke S_1S_1 dan keluk permintaan (DD) tetap.


Pada tingkat harga USD140 per tan, pasaran mengalami lebih permintaan gandum sebanyak AE_0 . Melalui mekanisme harga, harga cenderung naik menyebabkan penguncupan permintaan sehingga mencapai titik keseimbangan baharu, E_1 apabila keluk DD bersilang dengan keluk S_1S_1 .

Harga keseimbangan naik kepada USD250 per tan dan kuantiti keseimbangan berkurang kepada Q_1 tan.

Kesannya, kos sara hidup pengguna meningkat kerana peningkatan harga gandum. Keadaan akan menurunkan taraf hidup pengguna. Sesetengah pengeluar gandum menghadapi kerugian kerana kemusnahan tanaman dan sesetengah pengeluar yang lain mengalami margin keuntungan berkurang kerana kos pengeluaran meningkat akibat kenaikan harga baja. Taraf hidup pengeluar terjejas.

Ceraian (b)

Ketidakseimbangan pasaran merujuk kepada keadaan kuantiti diminta tidak sama dengan kuantiti ditawarkan. Pasaran tersebut akan mengalami sama ada lebih permintaan (kurangan penawaran) dan lebih penawaran (kurangan permintaan). Manakala keseimbangan pasaran ialah keadaan apabila kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan.



Berdasarkan rajah di atas, pada tingkat harga P_1 , kuantiti diminta ialah Q_2 dan kuantiti ditawarkan ialah Q_1 . Pasaran mengalami lebih permintaan sebanyak Q_1Q_2 . Mekanisme harga akan menaikkan harga menyebabkan kuantiti diminta berkurang dan kuantiti ditawarkan meningkat sehingga lebih permintaan menjadi sifar pada titik E.


Manakala pada tingkat harga P_2 , kuantiti diminta ialah Q_1 dan kuantiti ditawarkan ialah Q_2 . Pasaran mengalami lebih penawaran sebanyak Q_1Q_2 . Mekanisme harga akan menurunkan harga menyebabkan kuantiti diminta meningkat dan kuantiti ditawarkan menurun sehingga lebih penawaran menjadi sifar pada titik E.

Titik E ialah titik keseimbangan pasaran apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (SS). Harga keseimbangan ialah P_0 dan kuantiti keseimbangan ialah Q_0 . Ketidakseimbangan pasaran tidak akan mencapai keseimbangan sekiranya kerajaan campur tangan dalam pasaran dengan menetapkan harga maksimum dan harga minimum. Harga maksimum terletak lebih rendah daripada harga keseimbangan iaitu pada P_1 . Manakala harga minimum terletak lebih tinggi daripada harga keseimbangan, iaitu pada P_2 .

Ceraian (c)

Harga petrol meningkat sebanyak 20 peratus dalam tempoh dua minggu kerana penutupan beberapa loji penapisan petrol di Terengganu menyebabkan penawaran petrol berkurang.

Rajah di bawah ini menunjukkan pasaran petrol akibat penutupan loji penapisan petrol.




Keseimbangan asal pasaran petrol berlaku apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (S_0S_0) pada titik E_0 . Harga ialah P_0 dan kuantiti adalah sebanyak Q_0 .

Penutupan beberapa buah loji penapisan petrol menyebabkan keluk penawaran petrol beralih ke kiri, iaitu dari S_0S_0 ke S_1S_1 dan keluk permintaan (DD) tetap.

Pada tingkat harga P_0 , pasaran mengalami lebih permintaan petrol sebanyak AE_0 . Melalui mekanisme harga, harga cenderung naik menyebabkan penguncupan permintaan sehingga mencapai titik keseimbangan baharu, E_1 apabila keluk DD bersilang dengan keluk S_1S_1 . Harga keseimbangan naik kepada P_1 dan kuantiti keseimbangan berkurang kepada Q_1 .

Pada masa yang sama, peningkatan penggunaan kereta akan menambahkan permintaan petrol. Hal ini kerana kereta dan petrol merupakan barang penggenap.

Rajah yang berikut menunjukkan pasaran petrol akibat peningkatan penggunaan kereta.



Keseimbangan asal pasaran petrol beralih ke kanan, iaitu dari D_0D_0 ke D_1D_1 dan keluk penawaran (SS) tetap.

Pada tingkat harga P_0 , pasaran mengalami lebih permintaan petrol sebanyak E_0A . Melalui mekanisme harga, harga cenderung naik menyebabkan pengembangan penawaran sehingga mencapai titik keseimbangan baharu, E_1 apabila keluk D_1D_1 bersilang dengan keluk SS. Harga keseimbangan naik kepada P_1 dan kuantiti keseimbangan berkurang kepada Q_1 .

Dalam dua kes tersebut, arah perubahan harga adalah selari, iaitu harga mengalami peningkatan tetapi perubahan kuantiti adalah bertentangan.